

# KPT komited pastikan Hospital Pengajar UMS siap ikut jadual

UB 24.8.2020 3



TANDATANGAN: Noraini menandatangani buku pelawat selepas tiba di UMS bagi lawatan tapak pembangunan Hospital UMS.



PENERANGAN: Noraini mendengar penerangan daripada Ketua Pegawai Eksekutif BHOM Melati Sdn Bhd Rizal Ajminy yang merupakan kontraktor bagi pembinaan HUMS.

**KOTA KINABALU:** Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) komited dalam memastikan projek pembangunan Hospital Pengajar UMS atau dikenali sebagai HUMS disiapkan mengikut jadual yang ditetapkan.

Menteri Pengajian Tinggi Malaysia Dato' Dr. Noraini Ahmad ketika mengadakan lawatan ke tapak pembangunan HUMS kelmarin berkata, komitmen KPT diperlihatkan menerusi penyaluran dana berjumlah RM116 juta setahun bagi tempoh 27 tahun yang merangkumi bantuan kewangan bagi aktiviti pengurusan HUMS.

Selain itu KPT juga menurut Noraini akan memastikan peruntukan tambahan bagi menyokong aktiviti HUMS berfungsi.

"Antaranya termasuklah tambahan kewangan bagi projek pembinaan jalan masuk utama sepanjang 3 kilometer ke HUMS yang melalui simpang masuk bersebelahan 1Borneo dan tambahan peralatan perubatan bagi melengkapkan kemudahan klinikal hospital berjumlah RM79 juta turut



KENANGAN: Noraini (tengah) dan Taufiq Yap (dua kiri) merakamkan gambar bersama pegawai-pegawai kanan Kementerian Pengajian Tinggi, pegawai UMS serta pihak pengurusan HUMS.

diberi perhatian.

"Apabila siap kelak HUMS bukan sahaja memberi impak kepada pertambahan jumlah kemasukan pelajar perubatan tetapi turut mewujudkan peluang pekerjaan lainnya (fiskal multi tier) di pelbagai sektor," katanya.

Bagi tujuan itu, KPT dalam usaha rundingan bersama Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) mendapatkan tambahan seramai 2,300 orang tenaga kerja untuk mengisi 1600 perjawatan pelbagai peringkat di HUMS.

Sehubungan itu, Noraini menegaskan komitmen semua pihak dalam memastikan projek

HUMS ini berjaya siap dalam tempoh yang ditetapkan amat diperlukan.

"Projek ini merupakan antara pemangkin untuk melonjakkan ekonomi di Sabah, dan apa yang lebih utama HUMS diharap mampu menjadi hab pendidikan dalam melahirkan bakat dalam bidang perubatan," katanya.

Beliau turut melahirkan penghargaan kepada HUMS terhadap inisiatif beberapa program yang telah dilaksanakan bagi mendekatkan HUMS dengan masyarakat.

Lawatan itu merupakan lawatan kali kedua Noraini ber-

sama rombongan KPT ke UMS bagi memantau perkembangan pembangunan hospital tersebut dengan lebih terperinci.

Terdahulu, Naib Canselor UMS Prof. Datuk ChM. Dr. Taufiq Yap Yun Hin memaklumkan projek pembinaan HUMS dijangka siap sepenuhnya pada 31 Mac 2022.

"Apabila mula beroperasi nanti HUMS akan menjadi sebuah hospital pintar dan mempunyai kemudahan terkini dengan kapasiti 400 buah katil, 22 buah wad pembedahan dan 145 buah klinik termasuk klinik palcar," katanya.

Projek pembinaan Hospital

UMS menelan kos sejumlah RM652,981,402 juta, merupakan projek 'Public Private Partnership' dengan menggunakan lembah 'Private Finance Initiative' (PFI).

Pembinaan HUMS ini mengikuti piawaian dan standard yang ditetapkan oleh Cawangan Kawalan Amalan Perubatan Swasta (CKAPS) di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia.

Bagi menyokong hasrat HUMS sebagai sebuah hospital pintar, pihak pengurusan HUMS kini sedang giat membina sebuah aplikasi program promosi kesihatan dan pencegahan melalui jenama HUMS yang dinamakan OHIDAS-Wellness.

HUMS juga sedang melaksanakan Klinik Kesihatan Bergerak (Portable Health Clinic) dengan kerjasama Universiti Kyushu Jepun, Grameen Communications untuk memperkasa masyarakat mengenai kesihatan.

Hadir sama pada sesi lawatan itu, pegawai-pegawai kanan Kementerian Pengajian Tinggi, pegawai-pegawai UMS, serta pihak pengurusan HUMS.